



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN SEBERANG PERAI  
EXPRESS AND EFFECTIVE DEVELOPMENT  
(SPEED) MBSP

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**10 MEI 2024 (JUMAAT)**  
**9.00 PAGI**

**THE LIGHT HOTEL  
SEBERANG JAYA  
SEBERANG PERAI TENGAH**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, dipanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan keizinan-Nya juga kita dapat bersama-sama pada hari ini di **Majlis Perasmian Seberang Perai Express And Effective Development (SPEED) MBSP** di The Light Hotel, Seberang Jaya.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa yang sudi hadir merasmikan Majlis ini pada pagi yang berbahagia ini.
3. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis: Yang Berusaha Tuan Setiausaha Bandaraya; Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; warga kerja MBSP; dan para hadirin sekalian yang hadir untuk menjayakan program ini.

4. Penghargaan juga kepada urusetia penganjuran program pada pagi ini yang telah bertungkus lumus memastikan program ini berjalan dengan lancar.
5. *Seberang Perai Express and Effective Development MBSP* atau SPEED MBSP adalah merupakan satu inisiatif bagi pengeluaran kelulusan pelan pemajuan, tempoh pembinaan, pengeluaran CCC dan pemberian lesen secara pantas. Inisiatif ini diperkenalkan bagi membolehkan interaksi yang berkesan di antara pelabur dan MBSP dalam memudahkan kerja-kerja pembinaan dan akhirnya kelulusan dapat diberikan mengikut garismasa yang telah ditetapkan tanpa kelewatan. Ianya juga adalah merupakan salah satu inisiatif MBSP bersama pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di bawah program *Ease of Doing Business* di mana MBSP terpilih sebagai salah satu PBT Rintis bagi Pelaksanaan Inisiatif Cadangan Penambahbaikan dan Pengukuhan Kecekapan Proses Serta Prosedur Kelulusan Pelan Pemajuan.
6. Projek yang dikenalpasti sebagai projek SPEED MBSP akan diberikan beberapa kelulusan atau peraturan khas bagi mempercepatkan pemprosesan kelulusan kebenaran merancang, pelan bangunan dan pelan kejuruteraan daripada proses pengemukaan pelan di kaunter OSC (Unit Pusat Setempat) sehingga kelulusan pelan-pelan

pemajuan tersebut, pengemukaan notis mula kerja binaan, notifikasi pemeriksaan, pendepositan CCC sehingga permohonan lesen.

7. Antara prosedur khas dan keistimewaan yang akan diberikan kepada projek SPEED MBSP termasuklah mengadakan sesi pra rundingan bersama agensi teknikal dalaman dan luaran berkaitan bagi penyelarasan ulasan teknikal; membenarkan permohonan semua pelan cadangan pemajuan secara serentak; pemantauan ulasan teknikal dalaman dan luaran; pengeluaran kelulusan pelan pemajuan (C1 / Pelan Bangunan / Pelan Kejuruteraan) dengan kadar segera; membenarkan kerja tapak bermula awal; fasilitasi berterusan sepanjang pembinaan; membenarkan mesin dan peralatan dipasang semasa tempoh pembinaan serta membenarkan lesen premis dipohon semasa pembinaan; serta pemantauan proses pengeluaran Borang G dan perakuan CCC.
8. Pelaksanaan SPEED MBSP bukan sahaja dapat membantu pelabur dan pemaju dari segi mendapatkan gambaran mengenai kos, masa dan bilangan proses dan prosedur yang terlibat, namun juga dapat membantu di dalam penjimatan kos pematuhan dan penjanaan hasil yang lebih cepat di kalangan pelabur. Inisiatif ini juga dapat menambahbaik persekitaran perniagaan seterusnya menarik pelaburan baharu serta mengembangkan pelaburan sedia ada.

9. Selain itu, pelaksanaan inisiatif SPEED MBSP juga dapat menyokong pertumbuhan produktiviti dan mencipta peluang pekerjaan baharu yang berpendapatan tinggi kepada rakyat tempatan di samping membawa kepada peningkatan hasil MBSP dan seterusnya impak yang positif kepada Negeri Pulau Pinang.
10. Bagi pelaksanaan inisiatif SPEED MBSP, satu Unit MyMudah MBSP telah ditubuhkan bagi memudahcara proses pelaksanaan kelulusan pembinaan ekspress ini. Unit My Mudah SPEED ini diketuai oleh Setiausaha Bandaraya MBSP yang juga merupakan fasilitator / ketua pemudahcara Unit MyMudah. Pasukan ini adalah terdiri daripada semua pengarah jabatan teknikal dalaman Jawatankuasa Unit Pusat Setempat (OSC) MBSP selaku pemudahcara dan Unit Pusat Setempat (OSC) MBSP selaku koordinator. Setiap Jabatan akan mempunyai pegawai PIC (*person-in charge*) mengikut daerah / mukim bagi setiap projek SPEED MBSP. Antara fungsi Unit MyMudah adalah:-
  - i. menghadiri Mesyuarat / Perbincangan Pra-Rundingan dengan pihak pemohon dan jabatan-jabatan teknikal dalaman dan luaran;
  - ii. memberi fasilitasi dan ulasan awal terhadap cadangan permohonan pemajuan oleh pasukan perunding;

- iii. menghadiri lawatan tapak sekiranya diperlukan;
  - iv. memastikan cadangan permohonan telah mematuhi hampir kesemua ulasan dan keperluan teknikal sebelum diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa OSC, MBSP;
  - v. memastikan cadangan permohonan dapat diberi keputusan atau kelulusan penuh di dalam mesyuarat JK OSC;
  - vi. memastikan tiada ulasan tambahan selepas keputusan telah dibuat;
11. Mekanisma pelaksanaan projek SPEED melibatkan keseluruhan proses utama seperti mana yang di gariskan di dalam Manual OSC 3.0 Plus iaitu *end to end* proses pembangunan projek dengan pertambahan dua (2) proses projek SPEED iaitu proses teknikal brief projek (pra-rundingan) dan proses lesen operasi dan pengiraan cukai taksiran bagi perindustrian dan komersil.
12. Secara keseluruhan, proses SPEED MBSP melibatkan tujuh (7) kerja iaitu:-
- i. Proses 1: Pengumpulan Maklumat Teknikal (Brief Projek) dan Pendaftaran projek SPEED
  - ii. Proses 2: Pertimbangan Pelan-Pelan Pemajuan
  - iii. Proses 3: Notifikasi Mula Kerja Binaan

- iv. Proses 4: Pemantauan Tapak Bina dan Notifikasi Pemeriksaan Interim
- v. Proses 5: Notifikasi Akhir Peringkat 1 dan 2
- vi. Proses 6: Pendepositan CCC (Borang F & Borang G1-G21)
- vii. Proses 7: Lesen Premis dan Cukai Taksiran

Jumlah prosedur dan piagam hari yang ditetapkan adalah lebih singkat daripada piagam yang ditetapkan bagi projek biasa.

- 13. Kunci kejayaan inisiatif SPEED MBSP dan inisiatif transformasi PBT KPKT adalah bergantung kepada lima (5) perkara iaitu permohonan serentak, proses pra-rundingan, pertimbangan perihal tanah, keputusan mesyuarat JK OSC dan komitmen semua pihak yang terlibat.
- 14. Walau bagaimanapun, kejayaan projek SPEED MBSP adalah bergantung kepada komitmen tinggi pemohon / pelabur itu sendiri dalam bukan sahaja mematuhi syarat-syarat teknikal yang ditetapkan tetapi juga dalam membuat bayaran-bayaran dalam tempoh dan tidak meminda pelan-pelan yang dikemukakan selepas proses prarundingan dibuat dan selepas kelulusan diberikan. Pencapaian piagam jumlah hari setiap proses adalah bergantung kepada kompetensi dan komitmen semua pihak yang terlibat di dalam proses tersebut.

15. Taklimat SPEED MBSP yang lebih terperinci akan diberikan oleh Puan Nurvanida Alisha binti Sinnappan, Ketua Unit Pusat Setempat [One Stop Centre (OSC)] MBSP sebentar nanti.
16. Saya mengucapkan Tahniah dan Syabas kepada Unit Pusat Setempat MBSP yang telah berjaya membina dan melaksanakan inisiatif SPEED MBSP. Inisiatif ini telahpun dikuatkuasakan pada 23 Januari 2024.
17. Sebelum mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan saya kepada Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang sentiasa menyokong program-program MBSP. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua para hadirin sekalian serta warga Seberang Perai yang dikasihi yang memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program pada hari ini. MBSP akan sentiasa menyokong Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan meletakkan kehendak masyarakat di hadapan bagi memakmurkan bumi Seberang Perai. Jadikan cabaran pemangkin semangat untuk terus berjuang menjadikan "**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**" atau "**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**".

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi***

***Wabarakatuh.***